



Headline: Pengurus perbankan rugi RM1.9juta ditipu Language: Malay  
Macau Scam

Publication/Portal: Kosmo  
Date: 10 October 2020

Section: Negara  
Page: 8

## **Pengurus perbankan rugi RM1.9 juta ditipu Macau Scam**

**PETALING JAYA** – Wang simpanan sebanyak RM1.9 juta milik seorang pengurus agensi perbankan lesap akibat terpedaya dengan sindiket penipuan *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai polis pada 5 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd. Faisal berkata, mangsa terpedaya selepas dihubungi sindiket terbabit yang mendakwa kononnya dia terlibat dalam kes langgar lari hingga menyebabkan kematian.

Menurutnya, wanita yang berusia 50 tahun itu juga didakwa mempunyai rekod jenayah dalam kes pengubahan wang haram.

"Pada masa sama, mangsa telah menerima satu mesej waran tangkap.

"Wanita itu kemudiannya diminta membuka akaun baharu supaya wang dalam akaun bank miliknya dapat dipindahkan ke akaun itu untuk siasatan Bank Negara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nik Ezanee berkata, pada keesokan hari, mangsa memindahkan kesemua wangnya ke dalam akaun baharu itu dan dia diminta supaya tidak membuat sebarang semakan dengan

pihak bank dari Mei hingga September bagi melancarkan siasatan pihak polis.

Ujarnya, mangsa turut dijanjikan akan menerima surat pengesahan sama ada dia akan didapati bersalah atau tidak pada penghujung September atau selewat-lewatnya pada awal Oktober ini.

"Bagaimanapun, mangsa tidak menerima surat pengesahan seperti dijanjikan. Dia kemudian membuat pemeriksaan dan mendapati, wang simpanannya dalam bank berjumlah RM1.9 juta telah dikeluarkan secara berperingkat," ujarnya.

Sehubungan itu, Nik Ezanee mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan muslihat seperti itu dan mendapatkan pengesahan daripada pihak polis atau institut kewangan terlebih dahulu untuk semakan.

"Orang ramai juga diminta tidak mendedahkan nombor akaun bank, nombor kad mesin pengeluaran wang atau kad kredit kepada orang yang tidak dikenali.

"Segera menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di talian 03-7966 2222 jika menerima panggilan sedemikian," ujarnya.



**NIK EZANEE**